



1. JAWATAN	: KETUA PEGAWAI IMIGRESEN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

Kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Imigresen Kanan atau jawatan sebanding dalam Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.
2. Hendaklah mempunyai pemahaman yang baik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan-Peraturan Pasport, Peraturan-Peraturan Visa, Akta Penyalahgunaan Dadah, Kanun Jenayah (*Penal Code*), Kanun Peraturan Jenayah (C.P.C) dan lain-lain peraturan yang ada kaitannya dengan tugas-tugas Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau di sepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI IMIGRESEN:

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan terhadap perkara yang berhubungkait dengan tugas-tugas yang diamanahkan termasuklah arahan-arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Imigresen Kanan yang mengetuai bahagian-bahagian di mana ia ditugaskan.
3. Membantu Ketua Pegawai Imigresen Kanan dalam hal pentadbiran kakitangan dan dalam membuat perancangan bagi sesuatu bahagian yang dipertanggungjawabkan.
4. Bertanggungjawab terhadap Pos-Pos Kawalan, Pegawai-Pegawai yang berada di bawah jagaannya jika ianya ditugaskan di Pos Kawalan.
5. Memastikan peralatan-peralatan Jabatan atau bahagian di mana ianya ditugaskan mencukupi dan dalam keadaan baik.
6. Memastikan kerja-kerja yang diamanahkan dilaksanakan dan selesai mengikut masa yang telah ditetapkan.